

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XXII)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

24. Program Mammo Penang.

- (a) Sila senaraikan jumlah peserta yang telah menerima manfaat daripada saringan mammogram ini sejak diperkenalkan mengikut pecahan daerah.
- (b) Berapa bilangan peserta baru yang menerima manfaat ini selepas PRU ke-14? Adakah bilangan penerima dihidangkannya dan berapakah bilangan maksima?
- (c) Bilakah Kerajaan Negeri akan menyambung semula perkhidmatan Program Mammo Penang?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

24. Sebanyak 14,321 orang peserta telah menyertai Program Mammo-Penang sejak diperkenalkan mulai 28 Februari 2015 sehingga Mac 2020. Bilangan peserta mengikut pecahan daerah adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Bilangan Peserta (orang)</b>
1	Seberang Perai Utara	1,818
2	Seberang Perai Tengah	4,409
3	Seberang Perai Selatan	1,117

4	Timur Laut	5,664
5	Barat Daya	1,313
	<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>14,321</b>

Selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 sehingga bulan Mac 2020, sebanyak 2,737 orang peserta telah menerima manfaat daripada program ini.

Program Mammo-Penang mempunyai sasaran sebanyak 5,000 peserta setiap tahun. Tiada bilangan peserta yang dihadkan untuk menyertai program ini.

Kerajaan Negeri sebelum ini telah melantik syarikat BP Diagnostic Center Sdn. Bhd. sebagai pengendali Program Mammo-Penang bermula daripada 28 Februari 2015 sehingga 31 Mei 2018. Bermula pada Mac 2019, Kerajaan Negeri telah bekerjasama dengan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) untuk meneruskan pelaksanaan Program Mammo-Penang. Program ini akan terus dilaksanakan sehingga 28 Februari 2022.